

09/07/2003

Rasuah bagaikan barah di kalangan penjawat awam

Mahyudin Ahmad

RASUAH adalah penyakit masyarakat yang dikatakan tidak akan dapat dihapuskan secara mutlak. Ia hanya mampu dikurangkan ke tahap minimum yang

boleh. Selagi ada pemberi, selagi itulah akan ada penerima.

Perbuatan rasuah tidak bermoral dan tidak bertanggungjawab kerana ia membabitkan maruah dan harga diri si pelaku itu sendiri. Perasuah adalah seorang yang tidak beramanah dan dipandang hina oleh Islam dan masyarakat yang bertamadun.

Rasuah boleh menghancurkan negara dan umat. Ia adalah virus yang akan memporak-perandakan sistem tugas dan prosedur kerja. Seseorang yang menerima rasuah tidak akan dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan

baik dan menyebabkan organisasinya gagal mencapai matlamat. Ia juga akan memberi kesan kepada individu lain dalam organisasi berkenaan yang jujur dan amanah melaksanakan tugasnya.

Di Malaysia, tidak dapat dipastikan pada tahap mana rasuah berleluasa. Ada yang menyatakan ia masih di peringkat terkawal dan tidaklah seburuk seperti di sesetengah negara di mana rasuah menjadi budaya hidup. Ada pula

yang menyatakan ia perlu dipandang serius berikutan peningkatan jumlah kes

yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR). Apapun, kita sedar dan yakin ia masih wujud dan menular dalam masyarakat kita sekarang.

Transparency International, sebuah agensi antarabangsa menarafkan Malaysia pada skor 4.9 dalam laporan Corruption Perceptions Index (CPI) tahun 2002. Skor 10 menunjukkan paling bersih manakala 0 paling korupsi dan rasuah. Skor 4.9 dalam CPI 2002 ini sedikit berkurang daripada CPI 2001 iaitu 5. Penurunan skor ini menunjukkan tahap korupsi dan rasuah di Malaysia meningkat, walaupun masih pada tahap terkawal.

Perdana Menteri ketika mengulas isu ini, baru-baru ini, menyifatkan rasuah sebagai racun.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Amalan buruk itu sepatutnya dihindari seperti racun, tetapi malangnya masih ramai rakyat termasuk orang Melayu melihat rasuah sebagai jalan mudah untuk hidup mewah."

Timbalan Perdana Menteri pula mahu melihat gejala tidak sihat ini dibanteras sehingga ke peringkat akar umbi.

"Amalan rasuah ini perlu dikurangkan dan usaha ke arah menghapuskannya mestilah terus dilaksanakan oleh semua pihak" kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tempias rasuah ini berlaku di mana saja. Suatu ketika dulu ia pernah menggegarkan arena bola sepak negara, apabila keputusan perlawanan ditentukan lebih awal oleh bookie dengan merasuah pemain. Namun, kita yakin sekarang ini sukan bola sepak negara kini bebas sepenuhnya daripada

unsur negatif itu. Ia juga berlaku dalam politik iaitu politik wang.

Kita

tidak pasti adakah ia sudah dihapuskan sepenuhnya atau masih berlaku

dalam
diam.

Hangat diperkatakan sekarang, ia menjangkiti dan membarahi penjawat awam. Penjawat awam adalah medium penghubung di antara kerajaan dan rakyat. Mereka membawa imej dan kredibiliti kerajaan.

Mereka juga menjadi tulang belakang kerajaan membangunkan negara. Pembabitan mereka dengan rasuah pasti menjejaskan imej kerajaan dan menyebabkan ketidakyakinan rakyat terhadap integriti kerajaan. Ia juga boleh membantutkan usaha membangunkan rakyat dan negara.

Dalam perangkaan yang dikeluarkan BPR baru-baru ini, 171 penjawat awam ditahan kerana rasuah sepanjang 2002, manakala orang awam 119 orang. Keseluruhannya, jumlah penjawat awam yang ditahan dari 1998 hingga 2002 kerana salah laku itu ialah 881 orang, berbanding 741 orang awam. BPR turut menyatakan, golongan berkedudukan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan didapati terbabit rasuah dan salah guna kuasa. Mereka menggunakan cara sofistikated bagi menyembunyikan kesalahan itu.

Rasuah dapat dikesan berpunca daripada beberapa faktor. Di antaranya faktor sistem dan prosedur operasi yang membuka ruang untuk berlakunya salah laku itu. Hal ini banyak membabitkan urusan seperti di pejabat tanah, pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan.

Laporan pada Mei lalu menyebut BPR melakukan pemeriksaan setiap rekod dan dokumen di 44 pejabat tanah dan daerah serta dan 31 PBT. Hasilnya BPR menyimpulkan sikap pegawai dan kakitangan agensi terbabit yang suka melengah-lengahkan urusan permohonan orang awam menjadi salah satu punca berlakunya rasuah.

Faktor kedua ialah gaya hidup mewah yang tidak termampu dengan pendapatan. Seseorang yang ingin hidup mewah memilih cara tidak bermoral itu sebagai jalan untuk mencapai keinginannya.

Dia tahu dengan pendapatan yang diterimanya setiap bulan tidak memungkinkan dia hidup mewah. Ia bukanlah sesuatu yang menghairankan kita.

Mengikut Seksyen 18 Akta Pencegah Rasuah 1997, individu tertentu yang disiasat perlu mengisytiharkan harta mereka dan jika siasatan mendapati ada fakta yang mencurigakan, pihak yang disiasat perlu memberikan penjelasan untuk dipertimbangkan kesahihannya. Akhbar pernah melaporkan BPR sedang menyiasat beberapa pegawai tinggi kerajaan termasuk seorang ketua pengarah berhubung salah laku rasuah dan menjalani kehidupan mewah melebihi pendapatan bulanan mereka.

Tambahan pula tuntutan hidup di bandar besar turut menyumbang ke arah amalan rasuah ini. Golongan elit yang hidup di bandar besar, di mana kos hidupnya amat tinggi perlu menyesuaikan diri dengan suasana dan taraf kehidupan yang mereka lalui. Wang menjadi perkara utama untuk membolehkan mereka hidup selesa.

Keadaan ini mungkin memberi kesan lebih parah kepada golongan yang berpendapatan sederhana atau rendah. Mereka mungkin tidak mampu menolak sekiranya ditawarkan rasuah. Contohnya, ada kes yang berlaku pada petugas atau penguat kuasa agensi kerajaan berkaitan lalu lintas, trafik dan pengangkutan jalan. Banyak aduan diterima mengenai rasuah yang berlaku apabila pesalah lalu lintas, lebuhraya atau trafik terpaksa 'menyuap' untuk mengelakkan diri mereka daripada disaman atau didakwa.

Ini adalah faktor ketiga menyebabkan rasuah tidak hanya berlegar di sekitar golongan elit dan berjawatan tertinggi, malah membabitkan orang bawahan atau pegawai kerajaan berpangkat biasa.

Pada 18 Jun lalu, media melaporkan BPR Johor melakukan tangkapan terhadap dua pegawai rendah agensi penguat kuasa kerajaan sebaik mereka menerima rasuah sebanyak RM3,000 daripada orang awam berikutan satu kes kesalahan lalu lintas.

Tiga faktor ini adalah sekadar pembuka mata. Banyak lagi faktor yang menyebabkan menularnya gejala buruk ini. Untuk menghapuskan rasuah, kita perlu memberi penekanan kepada si penerima, di mana ia adalah kunci kepada berlakunya salah laku itu.

Kalau tiada penerima maka pemberi akan dengan sendirinya menjadi berkurangan dan akhirnya tiada. Masalahnya sekarang, penerima itu sendiri yang mudah kelabu mata terhadap tawaran rasuah. Lebih ironi, ada di antara penerima itu sebenarnya meminta `disuap`.

Kadang-kadang apabila difikirkan, ia menjadi satu yang rumit untuk dirungkaikan. Bayangkan, di antara yang pernah dilaporkan terbabit dengan kes rasuah bukan saja anggota polis berpangkat rendah, kakitangan awam di pejabat tanah, PBT, jabatan pengurusan air, agensi pengurusan dana awam dan dalam pengurusan kolej milik yayasan, malah syarikat kontraktor binaan, pembaikan kapal terbang dan korporat besar.

Rasuah juga pernah membabitkan pengarah jabatan kerajaan, bekas wakil rakyat, ketua setiausaha kementerian dan menteri. Malah, dalam urusan pengagihan subsidi diesel kepada nelayan pun dikatakan berlaku rasuah.

Justeru, si penerima perlu mempersiapkan diri dengan benteng kukuh yang mampu menangkis segala godaan. Pengetahuan agama dan moral yang tinggi serta tahap keimanan yang kental mampu menahan diri daripada dibutakan dengan tarikan rasuah. Menyedari ia sesuatu yang hina dan dilaknat Allah, kita akan merasa jelek dan tidak sesekali terpengaruh dengan tawaran rasuah.

Dalam sebuah hadis, Rasulullah bersabda mafhumnya: "Pemberi dan penerima rasuah itu (tempat yang sebaik-baiknya bagi mereka ialah) dalam neraka." Dalam hadis yang lain yang diriwayatkan at-Tirmizi bermaksud: "Setiap daging yang tumbuh dari sumber yang haram, maka nerakalah tempat yang layak baginya."

Pendapatan hasil rasuah amat dikutuk Islam. Ia sama sekali tidak akan membawa keberkatan dalam kehidupan seharian, apatah lagi jika digunakan untuk menyara isteri dan anak-anak.

MAHYUDIN AHMAD,
Kuala Lumpur.